

**PELAKSANAAN MODUL PROJEK PENYIASATAN
DALAM MENINGKATKAN KOMUNIKASI DAN
KEMAHIRAN SOSIAL KANAK-KANAK
PRASEKOLAH**

AZIZAH BINTI ZAIN

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)**

**PUSAT PENYELIDIKAN PERKEMBANGAN KANAK-KANAK NEGARA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2015

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengkaji pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan dalam meningkatkan komunikasi, kemahiran sosial dan penglibatan kanak-kanak prasekolah melalui aktiviti 'hands-on'. Kaedah kajian yang digunakan adalah etnografi berdasarkan Teori Konstruktivisme dan Teori Interaksionalis. Subjek kajian terdiri daripada sepuluh orang kanak-kanak prasekolah di sebuah sekolah di daerah Kota Setar. Data primer terdiri daripada data pemerhatian, data temu bual dan data analisis dokumen. Kesemua data dianalisis menggunakan perisian Atlas Ti.0.7. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan aktiviti yang terdapat dalam Modul Projek Penyiasatan meningkatkan komunikasi kanak-kanak dengan guru, rakan dan persekitaran mereka. Kesan terhadap peningkatan komunikasi, keyakinan kanak-kanak berkomunikasi bersama individu lain bertambah baik. Dapatan juga menunjukkan komunikasi yang berlaku semasa aktiviti projek meningkatkan kefahaman dan pengetahuan kanak-kanak terhadap topik yang diminati. Di samping itu, komunikasi ini juga memupuk minat kanak-kanak terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran bersama guru di dalam dan di luar kelas. Dapatan kajian juga menunjukkan kemahiran sosial kanak-kanak meningkat melalui aktiviti berkumpulan. Aktiviti berkumpulan telah meningkatkan interaksi dengan rakan sebaya dan membantu mereka untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran semasa menyiapkan tugas. Kesediaan mereka untuk melibatkan diri dalam aktiviti berkumpulan dan aktiviti 'hands-on' telah membantu perkembangan kognitif, efektif dan psikomotor dengan berkesan. Penggunaan Modul Projek Penyiasatan telah memberi kesan yang positif kepada pembentukan potensi diri dan perkembangan peribadi kanak-kanak. Kesimpulannya, kajian ini berjaya menghasilkan Modul Projek Penyiasatan yang dapat meningkatkan komunikasi dan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah. Implikasi daripada kajian ini adalah guru prasekolah boleh melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berasaskan projek penyiasatan dengan menggunakan Modul Projek Penyiasatan.



IMPLEMENTATION OF INVESTIGATIVE PROJECT MODULE IN ENHANCING PRE-SCHOOL CHILDREN'S COMMUNICATION AND SOCIAL SKILLS

ABSTRACT

The purpose of this research was to study the implementation of Investigative Project Module in enhancing pre-school children's communication, social skills and participation through hands-on activities. The research method employed was ethnography based on Constructivism and Interactionalism Theories. Research subjects were ten pre-school children from a school in the Kota Setar district. Primary data were observations, interviews as well as document analysis data. All data were analysed using the Atlas Ti.0.7 software. The research findings showed that the implementation of activities in the Investigative Project Module enabled the increase in communication level between the children and their teachers, peers and the surrounding environment. The increase in communication level resulted in the improvement of the children's confidence level in their interaction with others. Also, results showed that the communication activities increased the children's understanding and knowledge of the topic and lesson learnt. Moreover, the communication also instilled the children's interest in the teaching and learning process with their teachers in and outside of the classroom. The research also showed that the children's social skills improved with groups activities. Group activities increased their interaction with their peers and allowed them to share knowledge and skills in finishing the assigned project. Their preparedness to get involved in group and hands-on activities facilitated in their cognitive, effective and psychomotor development. The use of the Investigative Project Module had impacted positively towards the children's potentials and personal development. The conclusion, this research had successfully produced the Investigative Project Module that enabled the increase in communication and social skills among pre-school children. The implication of this research indicated that pre-school teachers can implement teaching and learning based on investigative projects using the Investigative Project Module.

KANDUNGAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Kepentingan Kajian	16
1.7	Rasional Kajian	18
1.8	Kerangka Konseptual	19
1.9	Batasan Kajian	27
1.10	Definisi Istilah	28
1.10.1	Projek Penyiasaan	28
1.10.2	Komunikasi	29
1.10.3	Aktiviti ‘hands-on’	29

1.10.4 Minat	30
1.10.5 Motivasi	30
1.10.6 Pembelajaran Menyeronokkan	31
1.10.7 Kemahiran Sosial	31
1.10.8 Bekerjasama	32
1.11 Rumusan	32

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	34
2.2 Latar Belakang Pendekatan Projek	35
2.3 Perspektif Teoritikal	40
2.3.1 Teori Perkembangan Kognitif Piaget	41
2.3.2 Teori Sosial Budaya Vygotsky	45
2.3.3 Teori Perkembangan Bahasa Halliday	46
2.4 Kerangka Teori	49
2.5 Komunikasi Kanak-Kanak dalam Modul Projek Penyiasatan.	55
2.5.1 Komunikasi Lisan dalam Modul Projek Penyiasatan	56
2.5.2 Komunikasi Bukan Lisan dalam Modul Projek Penyiasatan	61
2.6 Penglibatan Kanak-Kanak dalam Modul Projek Penyiasatan	62
2.6.1 Minat	63
2.6.2 Motivasi	65
2.6.3 Inisiatif	65
2.6.4 Pembelajaran yang Menyeronokkan	66
2.7 Meningkatkan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak melalui Modul Projek Penyiasatan	67

2.8	Rumusan	70
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	73
3.2	Rekabentuk Kajian	73
3.3	Etnografi	73
3.3.1	Kekuatan Etnografi	74
3.3.2	Kelemahan Etnografi	75
3.4	Pemilihan Pendekatan Etnografi dalam Kajian	76
3.5	Lokasi Kajian	82
3.6	Populasi Kajian	83
3.6.1	Subjek Kajian Kanak-Kanak	83
3.6.1.1	Profil Kanak-Kanak	84
3.6.2	Profil Guru	89
3.7	Peranan Pengkaji	90
3.8	Peringkat Persediaan Sebelum Kajian Sebenar	91
3.9	Peringkat Kajian Rintis	91
3.10	Prosedur Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan	95
3.11	Prosedur dan Kaedah Pengumpulan Data	105
3.11.1	Pemerhatian	105
3.11.2	Temubual	108
3.11.3	Nota Lapangan	109
3.12	Prosedur Menganalisis Data	111
3.12.1	Analisis Kandungan	112
3.13	Pengurusan Penganalisan Data	113

2.8	Rumusan	70
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	73
3.2	Rekabentuk Kajian	73
3.3	Etnografi	73
3.3.1	Kekuatan Etnografi	74
3.3.2	Kelemahan Etnografi	75
3.4	Pemilihan Pendekatan Etnografi dalam Kajian	76
3.5	Lokasi Kajian	82
3.6	Populasi Kajian	83
3.6.1	Subjek Kajian Kanak-Kanak	83
3.6.1.1	Profil Kanak-Kanak	84
3.6.2	Profil Guru	89
3.7	Peranan Pengkaji	90
3.8	Peringkat Persediaan Sebelum Kajian Sebenar	91
3.9	Peringkat Kajian Rintis	91
3.10	Prosedur Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan	95
3.11	Prosedur dan Kaedah Pengumpulan Data	105
3.11.1	Pemerhatian	105
3.11.2	Temubual	108
3.11.3	Nota Lapangan	109
3.12	Prosedur Menganalisis Data	111
3.12.1	Analisis Kandungan	112
3.13	Pengurusan Penganalisan Data	113

3.14	Analisis Data melalui Perisian Komputer	118
3.14.1	Perisian Atlas.Ti 0.7	118
3.15	Kebolehpercayaan	121
3.16	Triangulasi	122
3.16.1	Menggunakan “ <i>Member Checking</i> ”	124
3.17	Etika Pelaksanaan Kajian	125

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	127
4.2	Profil Kelas	128
4.3	Profil Peserta Kajian	129
4.4	Modul Projek Penyiasatan	132
4.4.1	Mereka Bentuk Modul Projek Penyiasatan	132
4.4.2	Menentukan Keperluan Kanak-Kanak Prasekolah	134
4.4.3	Menentukan Objektif Modul	135
4.4.4	Rekabentuk Kandungan Modul	136
4.4.5	Pengesahan Pakar dan Pencapaian Kesahan Modul Projek Penyiasatan	142
4.5	Melaksanakan Modul Projek Penyiasatan	145
4.5.1	Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan Fasa Satu	146
4.5.2	Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan Fasa Dua	149
4.5.3	Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan Fasa Tiga	153
4.6	Peluang Komunikasi Kanak-Kanak dalam Aktiviti Projek Penyiasatan	155
4.7	Komunikasi dengan Guru	157
4.7.1	Komunikasi Lisan Fasa Satu	158

4.7.1.1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	159
4.7.1.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	172
4.7.1.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	177
4.7.2	Dapatan Temubual dengan Guru Di Fasa Satu	179
4.7.3	Komunikasi Lisan Fasa Kedua	183
4.7.3 .1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	183
4.7.3.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	192
4.7.3.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	196
4.7.4	Dapatan Temubual dengan Guru di Fasa Kedua	197
4.7.5	Komunikasi Lisan Fasa Ketiga	199
4.7.5 .1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	199
4.7.5.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	203
4.7.5.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	205
4.7.6	Dapatan Temubual dengan Guru di Fasa Ketiga	206
4.7.7	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Satu	208
4.7.8	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Kedua	211
4.7.9	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Ketiga	213
4. 8	Komunikasi dengan Pakar	215
4.8.1	Komunikasi Lisan Fasa Kedua	216
4.8.1 .1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	216
4.8.1.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	222
4.8.1.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	223
4.8.2	Dapatan Temubual dengan Guru Mengenai Komunikasi Kanak-Kanak dengan Pakar	225
4.8.3	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Kedua	227

4.9	Komunikasi dengan Rakan	228
4.9.1	Komunikasi Lisan Fasa Satu	229
4.9.1.1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	229
4.9.1.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	234
4.9.1.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	235
4.5.2	Dapatan Temubual dengan Guru di Fasa Satu	237
4.9.3	Komunikasi Lisan Fasa Kedua	238
4.9.3.1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	238
4.9.3.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	239
4.9.3.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	240
4.9.4	Dapatan Temubual dengan Guru di Fasa Kedua	241
4.9.5	Komunikasi Lisan Fasa Ketiga	242
4.9.5.1	Komunikasi untuk Berkongsi Maklumat	242
4.9.5.2	Komunikasi untuk Berkongsi Idea dan Pendapat	243
4.9.5.3	Komunikasi Bantahan dan Perbalahan	243
4.9.6	Dapatan Temubual dengan Guru di Fasa Ketiga	244
4.9.7	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Satu	245
4.9.8	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Kedua	246
4.9.9	Komunikasi Bukan Lisan Fasa Ketiga	247
4.10	Penglibatan Kanak-Kanak Melalui Aktiviti ' <i>Hands -On</i> '	247
4.10.1	Minat	248
4.10.1.1	Penglibatan Kanak-Kanak Di Fasa Satu	249
4.10.1.2	Penglibatan Kanak-Kanak Di Fasa Kedua	253
4.10.1.3	Penglibatan Kanak-Kanak Di Fasa Ketiga	260
4.10.2	Motivasi	263

4.10.3	Inisiatif Untuk Mencuba	268
4.10.4	Pembelajaran Menyeronokkan	273
4.11	Aktiviti Berkumpulan dalam Model Projek Penyiasatan	277
4.11.1	Bekerjasama Dalam Kumpulan	277
4.11.1.1	Bekerjasama Untuk Menyiapkan Tugas	278
4.11.1.2	Bertolak ansur dalam kumpulan	282
4.11.1.3	Menunggu Giliran	285
4.11.1.4	Berkongsi Peralatan	286
4.12	Kesimpulan	289

BAB 5 RUMUSAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	291
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	292
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	294
5.3.1	Mereka Bentuk dan Menentusahkan Modul	295
5.3.1.1	Menganalisis Keperluan Kanak-Kanak dan Menyatakan Objektif Modul	295
5.3.1.2	Reka Bentuk Kandungan Modul	296
5.3.1.3	Pengesahan Pakar dan Pencapaian kesahan modul	299
5.3.1.4	Mencuba Modul	300
5.3.1.5	Kekuatan Modul Projek Penyiasatan	300
5.3.1.6	Kelemahan Modul Projek Penyiasatan	301
5.3.2	Melaksanakan Modul Projek Penyiasatan	301
5.3.3	Modul Projek Penyiasatan dan Komunikasi Lisan Kanak-kanak Prasekolah	303
5.3.4	Keyakinan Untuk Berkomunikasi dengan Guru	304

5.3.5	Keyakinan Berkomunikasi dengan Pakar	311
5.3.6	Keyakinan Komunikasi dengan rakan	313
5.3.7	Modul Projek Penyiasatan dan Komunikasi Bukan Lisan Kanak-kanak Prasekolah	314
5.3.8	Pendekatan Projek Penyiasatan dan Aktiviti ' <i>Hands-on</i> '	315
5.3.9	Modul Projek Penyiasatan dan Kemahiran Sosial Kanak-Kanak Prasekolah	320
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	322
5.5	Sumbangan Kajian	325
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	327
5.7	Kesimpulan	328

RUJUKAN

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

Jadual

Muka Surat

1.1	Peratus Pendekatan yang Digunakan di Prasekolah	11
2.1	Teori Perkembangan Bahasa Halliday	48
3.1	Proses Menjalankan Etnografi Dalam Kajian	81
3.2	Maklumat Demografi Kanak-Kanak	88
3.3	Maklumat Demografi Guru	90
3.4	Termologi Utama Atlas.Ti 07	120
4.1	Maklumat Pakar Pengesahan Modul	142
4.2	Borang Pencapaian Kesahan Modul Projek Penyiasatan	143
4.3	Kategori dan Tujuan Komunikasi Kanak-Kanak dalam Modul Projek Penyiasatan	156
4.4	Peningkatan Komunikasi Kanak-Kanak Dalam Modul Projek Penyiasatan	158
4.5	Peningkatan Komunikasi Kanak-Kanak Dengan Guru	215
4.6	Aktiviti ' <i>Hands-On</i> ' Dalam Modul Projek Penyiasatan	248

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	26
2.1 Fasa Pelaksanaan Dalam Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan.	39
2.2 Kerangka Teori Kajian	54
3.1 Proses Mengumpul Data Melalui Etnografi	80
3.2 Prosedur Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan	104
3.3 Proses Pengumpulan Data	111
3.4 Proses Pengurusan dan Penganalisis Data	118
3.5 Kaedah Triangulasi Data	124
4.1 Proses Membina Modul Projek Penyiasatan	134

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian

Lampiran B: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada JPN

Lampiran C: Instrument Pentaksiran Modul Projek Penyiasatan

Lampiran D: Senarai Semak Pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan

Lampiran E: Borang Demografi Guru Dan Pembantu Pengurusan Murid

Lampiran F: Protokol Temubual

Lampiran G: Surat Kebenaran Waris

Lampiran H: Contoh Transkrip Temubual

Lampiran I: Contoh Transkrip Pemerhatian

Lampiran J: Modul Projek Penyiasatan

Lampiran K: Instrumen Pengesahan Modul Projek Penyiasatan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan prasekolah merupakan asas dalam memberi pengetahuan dan kemahiran awal kepada kanak-kanak berumur lima hingga enam tahun. Pada peringkat umur ini kanak-kanak mudah untuk menyerap pengetahuan dan kemahiran yang diberikan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Pengetahuan dan kemahiran awal yang diberikan mestilah berdasarkan perkembangan yang bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak supaya ia mudah diterima dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan berkesan. Pada peringkat ini pengetahuan diperoleh oleh

kanak-kanak melalui interaksi dengan persekitaran mereka. Pengetahuan kanak-kanak mudah dibina dan diperoleh melalui proses yang aktif dan interaktif berbanding aktiviti pembelajaran yang diterima secara pasif dan reseptif (Katz dan Chard, 2000). Kanak-kanak membina dan menguasai pengetahuan melalui pengalaman awal yang diterima secara langsung dan interaksi dengan sumber yang memberi pengetahuan kepada mereka.

Kanak-kanak prasekolah juga akan didedahkan dengan kemahiran asas yang bukan sahaja meliputi kemahiran membaca, menulis, mengira, dan menaakul tetapi kemahiran sosial, berkomunikasi, kepimpinan dan bekerja secara berpasukan. Kemahiran-kemahiran ini perlu diajar di peringkat awal lagi supaya apabila mereka dewasa, mereka dapat berdikari dan memanfaatkan kemahiran yang dimilikinya dalam kehidupan harian. Hal ini selari dengan tumpuan pendidikan sekarang yang bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan bagi membolehkan mereka memainkan peranan yang berkesan apabila mereka menceburi bidang kerjaya.

Oleh itu kandungan kurikulum prasekolah wajar memenuhi keperluan kanak-kanak untuk masa akan datang berbanding keperluan mereka di masa sekarang (Katz dan Chard, 2000). Kurikulum yang sesuai untuk kanak-kanak prasekolah ialah kurikulum yang menggalakkan dan mendorong mereka mendapat penguasaan dalam akademik dan kemahiran asas (Katz, 2010). Di Malaysia kurikulum prasekolah

memberi fokus kepada perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang mula digunakan pada tahun 2010 oleh guru-guru prasekolah mempunyai matlamat untuk memastikan perkembangan holistik kanak-kanak prasekolah. Matlamat tersebut ialah menyediakan pembelajaran berkesan, menyeronokkan, bermakna dan menyediakan pengetahuan serta kemahiran asas untuk pendidikan sepanjang hayat (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Matlamat ini akan dicapai melalui pendekatan-pendekatan yang dicadangkan dalam KSPK. KSPK pada tahun 2010 telah memberi penekanan terhadap penggunaan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak. Salah satu pendekatan yang bertujuan untuk mencapai matlamat dalam KSPK ialah pendekatan projek.

Pendekatan projek merupakan satu kajian mendalam terhadap topik yang menarik minat kanak-kanak. Ia termasuk proses siasatan yang berlaku melalui aktiviti kumpulan kecil di bilik darjah (Katz dan Chad, 2000). Pendekatan projek memenuhi ciri-ciri kanak-kanak yang suka meneroka dan menyiasat melalui persekitaran pembelajaran yang kaya dengan pengetahuan baru serta memberi peluang kepada mereka untuk mengaplikasikan kemahiran asas semasa melakukan aktiviti projek. Kemahiran ini akan berkembang dan dapat diaplikasikan oleh kanak-kanak dalam kehidupan mereka kelak. Pendekatan ini merupakan satu pendekatan pembelajaran yang memerlukan kanak-kanak melakukan sendiri setiap aktiviti dengan bimbingan guru dan memberi peluang kepada kanak-kanak prasekolah memperolehi konsep dan

kemahiran asas bagi membantu mereka meneruskan pembelajaran ke sekolah rendah kelak (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010).

Dalam pengajaran secara sistematik kanak-kanak prasekolah dibantu untuk memperolehi kemahiran asas manakala dalam pendekatan projek kanak-kanak prasekolah diberi peluang untuk menggunakan kemahiran dalam konteks yang bermakna. Selain itu mereka akan melibatkan diri secara aktif dalam merancang dan melaksanakan penyiasatan, menggunakan pengetahuan dan kemahiran serta membuat keputusan dan pilihan dalam semua aspek yang terlibat dalam tugas (Katz dan Chard, 2000).

Pendekatan projek menekankan tindakbalas guru kepada kanak-kanak secara individu dan secara berkumpulan (Katz dan Chard, 2000). Melalui pendekatan ini perkembangan sosial kanak-kanak meningkat melalui aktiviti bekerjasama dan kolaborasi bersama guru, rakan sebaya dan orang yang lebih dewasa. Kanak-kanak juga akan berkomunikasi secara lisan dan bukan lisan semasa aktiviti projek dilaksanakan.

Oleh kerana pendidikan prasekolah di Malaysia menggunakan pendekatan bertema, menyebabkan guru-guru kurang diberi pendedahan bagaimana pendekatan ini dapat dijalankan dengan lebih baik dan berkesan. Guru-guru masih menghadapi kesukaran untuk melaksanakannya dan memerlukan bimbingan serta kemahiran untuk

melaksanakan pendekatan ini (Saemah Rahman, Ruhizan Mohd Yassin dan Siti Fatimah Mohd Yasin, 2010).

Pendekatan projek juga boleh diintergrasikan dengan perlbagai cara bersama pendekatan lain yang digunakan di prasekolah (Helm dan Beneke, 2003). Pendekatan bertema yang sering digunakan dalam kalangan guru-guru prasekolah boleh digabungkan dengan pendekatan projek supaya kanak-kanak memperoleh konsep dan kemahiran melalui aktiviti penyiasatan dan penyelesaian masalah tentang topik yang diminati. Pendekatan projek juga menyediakan aktiviti pembelajaran yang fleksibel, selesa, selamat serta menyuburkan naluri ingin tahu, perasaan suka meneroka dan memberi pengalaman baru kepada kanak-kanak. Guru boleh menggalakkan sifat ingin tahu kanak-kanak dengan menyediakan persekitaran yang mendorong mereka bertanya dan meneroka (Disceleler, 2010). Melalui pendekatan projek kanak-kanak membina pengetahuan sendiri melalui sikap ingin tahu yang wujud secara semulajadi dalam diri mereka. Rasa ingin tahu kanak-kanak sebenarnya membantu proses pembelajaran kanak-kanak (Griebeling, 2009). Rasa ingin tahu ini juga telah mendorong kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan guru, pakar dan rakan sebaya dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat. Aktiviti menyoal melalui komunikasi yang berlaku akan membina keyakinan diri.

Oleh itu pengkaji berminat untuk membuat kajian ini menggunakan modul yang dibina iaitu Modul Projek Penyiasatan dengan tujuan untuk melihat kesan

pelaksanaan pendekatan projek terhadap komunikasi, penglibatan dan kemahiran sosial kanak-kanak di prasekolah dan diharap kajian ini dapat memberi sumbangan serta sokongan kepada guru-guru prasekolah untuk melaksanakan pendekatan ini dalam pengajaran mereka.

1.2 Latar belakang kajian

Pendekatan projek merupakan pendekatan yang sudah lama dilaksanakan dalam pendidikan awal kanak-kanak di negara-negara barat. Menurut Katz dan Chard (1992) pendekatan ini menjadi terkenal di United State apabila ia disokong dan dilaksanakan oleh Dewey dan Kilpatrick. Pendekatan ini menyediakan pelbagai faedah terhadap pembelajaran dan perkembangan potensi kanak-kanak di peringkat awal. Selain itu, ia juga menyediakan matlamat utama dengan menggalakkan kanak-kanak berfikir, mempunyai estetika, kepekaan moral dan meliputi semua aspek dalam bidang intelektual (Katz dan Chard, 1989).

Sebagai guru prasekolah, kita mengetahui bahawa kurikulum prasekolah seharusnya memberi tumpuan terhadap topik yang diajar supaya ia relevan dengan budaya dan persekitaran kanak-kanak. Proses pengajaran dan pembelajaran perlu menggabungkan pendidikan formal dan pendidikan bukan formal. Kurikulum di prasekolah juga seharusnya memberi peluang kepada kanak-kanak untuk sentiasa

membina strategi agar dapat mengatasi kegagalan dan tidak berputus asa untuk mencuba lagi. Sikap keyakinan diri dan tidak mudah berputus asa perlu dipupuk di peringkat awal lagi supaya mereka mampu untuk mengatasi setiap masalah dalam kehidupan harian.

Kerajaan telah menetapkan dasar dalam pendidikan prasekolah melalui Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan yang dilaksanakan pada tahun 2010 bagi memastikan perkembangan holistik kanak-kanak, pembelajaran berkesan, pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna serta kemahiran asas untuk pendidikan sepanjang hayat dapat dicapai (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2010). Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan ini diperkenalkan bagi memastikan pendidikan prasekolah disampaikan secara sistematik dan berkualiti. Oleh itu, pelbagai pendekatan telah dicadangkan untuk memberi pendidikan yang sistematik dan berkualiti kepada kanak-kanak prasekolah. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan projek. Dalam kajian ini sebuah modul dibina untuk mencapai hasrat ini iaitu Modul Projek Penyiasatan.

Dalam Modul Projek Penyiasatan kanak-kanak diberi peluang untuk mengemukakan soalan, mengendalikan penyiasatan mereka sendiri dan membuat keputusan berdasarkan aktiviti harian mereka. Mereka akan berfikir dan mengeluarkan idea mereka berdasarkan pengetahuan sedia ada tentang topik tersebut.

Kanak-kanak prasekolah berupaya untuk memotivasi diri dalam belajar dan akan

membantu meningkatkan kemahiran penerokaan dengan lebih mendalam, menyoal lebih banyak soalan dan menjalankan kajian secara mendalam tentang topik yang dikaji. Namun begitu, setiap penyiasatan yang dijalankan mestilah dibimbing oleh orang dewasa sama ada oleh guru atau ibu bapa. Sebagai kanak-kanak prasekolah mereka dengan jelas tidak dapat melakukan aktiviti projek tanpa bimbingan orang yang lebih dewasa. Oleh itu guru prasekolah perlulah diberi pendedahan terhadap pelaksanaan Modul Projek Penyiasatan ini untuk membantu mereka menjadi fasilitator yang baik kepada kanak-kanak prasekolah.

Melalui Modul Projek Penyiasatan ini juga diharap minat kanak-kanak terhadap beberapa mata pelajaran terutamanya sains dapat dipupuk sejak awal lagi. Memandangkan Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan kouta 60:40 pelajaran sains di peringkat menengah maka minat dan pengetahuan asas yang kukuh di kalangan kanak-kanak adalah perlu supaya mereka boleh menguasai kemahiran ini dengan mantap sejak awal lagi. Menurut Kilpatrick (1918) kefahaman di peringkat lebih rendah sebagai kaedah komprehensif dan menjadi asas untuk memajukan kecekapan pada peringkat yang lebih tinggi. Pengetahuan yang diperolehi di peringkat rendah ini memberi kesan yang positif terhadap pembelajaran mereka kelak apabila aktiviti yang dilakukan merupakan aktiviti '*hands-on*' (Smidt, 2007). Selain itu pendekatan ini juga menyediakan konteks di mana sifat ingin tahu dan keyakinan kanak-kanak dapat diluahkan dan memberi peluang mereka belajar dengan gembira dan bermotivasi (Katz dan Chard 2000).

1.3 Pernyataan Masalah

Kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan prasekolah dinilai dari hasil kemenjadian kanak-kanak prasekolah melalui pendekatan yang digunakan oleh guru-guru prasekolah. Kemenjadian kanak-kanak bukan sahaja dilihat daripada aspek pencapaian akademik tetapi pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh oleh mereka semasa di prasekolah dapat diaplikasikan apabila memasuki sekolah rendah dan juga dalam kehidupan seharian mereka. Dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (2010) penekanan diberi terhadap penggunaan pendekatan yang menyokong pembangunan komuniti murid prasekolah yang kreatif dan berfikiran terbuka melalui aktiviti-aktiviti yang memberi peluang kepada mereka untuk melibatkan diri dalam proses membuat keputusan dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri. Beberapa pendekatan yang bersesuaian dengan tahap perkembangan kanak-kanak telah dicadangkan dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan, termasuklah pendekatan projek.

Walaupun pendekatan projek ini terkandung dalam Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan dan perlu dilaksanakan tetapi masih terdapat guru-guru prasekolah yang tidak melaksanakan pendekatan ini kerana kurang pendedahan dan pengetahuan tentang cara-cara melaksanakan pendekatan tersebut (Clark, 2006).

Mereka tidak mempunyai panduan seperti modul untuk dijadikan panduan dalam melaksanakannya. Berdasarkan pengalaman pengkaji yang mengajar di prasekolah